



# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

17 SEPTEMBER 2024 (SELASA)

## Awasi punca penyakit daripada haiwan peliharaan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
HARIAN METRO	Berita	Online	17 September



*PENGUNJUNG berpeluang melihat secara dekat haiwan ternakan di Laman Agro-Food Ternakan pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA 2024) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps).*

Pemilik haiwan ternakan disarankan kerap membawa haiwan mereka melakukan pemeriksaan ke klinik veterinar bagi mengelak jangkitan penyakit zoonotik.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Dr Akma Ngah Hamid berkata, ini kerana penyakit terbabit boleh membawa maut bukan sahaja kepada haiwan mereka, malah kepada manusia.

"Sesetengah penyakit zoonotik ini boleh menyebabkan kesan buruk kepada manusia sama ada melalui gejala atau boleh menyebabkan kematian.

"Ada juga segelintir individu yang dijangkiti kuman, tetapi tidak menunjukkan sebarang gejala, mungkin hanya mengalami demam, tetapi boleh mendatangkan kesan buruk terhadap kesihatan mereka.

"Akibat tidak menunjukkan sebarang gejala penyakit, kebanyakannya kes tidak dapat dikesan oleh doktor dan menyebabkan mangsa akhirnya meninggal dunia.

Kebiasaannya penyakit ini memberi kesan lebih teruk kepada kanak-kanak, warga emas dan pesakit yang mempunyai imun rendah," katanya.

Menjelaskan apa itu zoonotik, ia adalah penyakit berjangkit berpunca daripada kuman bahaya seperti virus, bakteria, parasit dan kulat yang ada pada haiwan dan boleh menjangkiti manusia.

Menurutnya, antara penyakit bersifat zoonotik seperti Rabies, Salmonellosis, selesema burung, Leptospirosis atau demam kencing tikus, Tuberkulosis, Japanese Encephalitis (JE) dan penyakit Nipah.

Menceritakan mengenai tanda dijangkiti semua penyakit, Dr Akma berkata, semua penyakit menunjukkan tanda yang berbeza sekiranya menjangkit satu-satu haiwan atau manusia.

## Awasi punca penyakit daripada haiwan peliharaan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
HARIAN METRO	Berita	Online	17 September

"Rabies yang dikenali sebagai penyakit anjing gila, bukan sahaja dibawa oleh anjing bahkan virusnya dibawa oleh beberapa haiwan mamalia lain seperti kucing dan kelawar.

"Penyakit ini adalah sejenis penyakit akut yang menyebabkan radang pada otak dan saraf tunjang.

"Tanda-tanda awal dalam manusia termasuk keresahan, sakit kepala yang teramat, demam, lesu dan kebas atau rasa gatal di sekitar tempat gigitan.

"Selain itu, pesakit juga mudah sensitif kepada cahaya, angin dan bunyi serta mempunyai perubahan tingkah laku yang mendadak dan boleh mengakibatkan kematian.

"Manakala dalam haiwan, mereka akan menunjukkan perubahan tingkah laku yang mendadak sama ada menjadi lebih ganas atau kurang reaktif, air liur meleleh secara berlebihan, menggigit benda di sekitarnya, sawan, lumpuh dan akhirnya mati," katanya.

Salmonellosis adalah satu jangkitan daripada satu bakteria yang dikenali sebagai *Salmonella* dengan boleh mengakibatkan keracunan makanan pada manusia dan haiwan yang boleh menyebabkan kematian.

Ia boleh menjangkiti manusia melalui produk haiwan yang tercemar seperti daging, telur dan susu.

"Seseorang individu akan muntah, cirit-birit dan lebih teruk mati sekiranya dijangkiti Salmonellosis. Jika menjangkiti sesekor haiwan, haiwan terbabit kurang pengeluaran (susu, telur), cirit-birit, kualiti produk menurun dan boleh menyebabkan kematian.

"Selesema burung adalah penyakit bawaan unggas termasuk burung liar dan ayam, di mana ia boleh menyebabkan demam dan gejala pernafasan yang akut dalam manusia dan haiwan. Penyakit ini juga boleh menyebabkan kematian sekiranya tidak dicegah dan dibendung," kata Dr Akma.

Menceritakan lagi penyakit zoonotik, Brucellosis adalah bakteia yang menjangkiti haiwan seperti lembu, kambing, babi, bebiri dan anjing.

Bakteria ini boleh menjangkiti manusia melalui susu yang tidak dipasteur daripada binatang yang menjangkiti bakteria ini dan boleh mengakibatkan demam berulang yang berpanjangan sehingga berbulan-bulan, keguguran bagi wanita serta menyebabkan kemandulan.

"Leptospirosis yang biasa kita dengar sebagai demam kencing tikus berlaku akibat pendedahan kepada kuman yang ada dalam air yang dicemari oleh kencing binatang terjangkit seperti tikus, kucing, anjing, lembu, kambing, babi, kuda dan haiwan liar yang lain.

"Untuk penyakit ini, pesakit mungkin akan mengalami gejala berbeza seperti demam, sakit otot, sakit badan, batuk tidak berkahak, muntah, cirit-birit, radang selaput mata dan ruam. Pesakit juga mungkin mengalami bengkak limpa atau hati, radang otak dan lumpuh.

## Awasi punca penyakit daripada haiwan peliharaan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
HARIAN METRO	Berita	Online	17 September

"Manakala dalam haiwan, Leptospirosis boleh menyebabkan kekuningan (jaundice) serta merosakkan organ sehingga berupaya menyebabkan kematian," jelasnya.

Tuberkulosis pula menjangkiti manusia daripada haiwan seperti lembu, kambing, ungas dan hidupan liar dan jika menjangkiti manusia, ia boleh menyebabkan batuk kering dan kerosakan paru-paru.

Manakala bagi haiwan, ia boleh merosakkan organ termasuk paru-paru serta daging dan produk dari haiwan tersebut tidak selamat untuk dijadikan makanan manusia.

"JE pula menjangkiti haiwan seperti babi, ungas dan kuda. Penyakit ini adalah bawaan vektor iaitu nyamuk dan menjadi perantara jangkitan antara haiwan dan manusia. Dalam manusia dan haiwan, ia boleh menyebabkan radang otak, kelumpuhan dan kematian.

"Virus Nipah pula adalah virus bawaan kelawar yang boleh merebak kepada babi, anjing, dan manusia. Manusia yang dijangkiti akan mengalami gejala termasuk demam teruk, muntah, gejala pernafasan, sawan, radang otak dan kematian. Pesakit mempunyai kadar kematian di antara 40 hingga 75 peratus," katanya lagi.

Bagi mengelak haiwan ternakan serta orang sekeliling dijangkiti semua penyakit ini, Dr Akma menasihatkan pemilik haiwan ini berjumpa doktor veterinar untuk membuat pemeriksaan sekiranya haiwan mereka tidak sihat dan melakukan vaksinasi

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR